

## 76,632 pasang selipar tiruan bernilai RM613,056 disita

Khairul Abidin Nuar  
19 September 2019 12:37 PM



**KETUA** Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Perak, V. Ravichandran (tengah) memeriksa selipar tiruan yang disita dalam serbuan semalam selepas sesi sidang akhbar di Ipoh, hari ini. - UTUSAN ONLINE

**IPOH 19 Sept.** - Sebanyak 76,632 pasang selipar berjenama tiruan bernilai RM613,056 disita Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak dalam serbuan di dua buah kilang di Kawasan Perindustrian Pengkalan 2 dekat Pusing semalam.

Operasi bermula pukul 10 pagi disertai sembilan anggota penguat kuasa bersama enam wakil cap dagang itu menahan seorang lelaki tempatan berusia 40-an yang mengaku sebagai pemilik premis untuk diambil keterangan.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, V. Ravichandran berkata, hasil siasatan awal pihaknya mendapati kilang tersebut telah beroperasi sejak tahun 2015 dan mempunyai tujuh orang pekerja asing.

Beliau berkata, selipar tiruan yang disita itu adalah berjenama Comfort dan Goco Comfort.

"Siasatan awal mendapati syarikat ini ada mengeksport selipar tiruan tersebut untuk pasaran luar negara seperti Indonesia dan Thailand selain pasaran tempatan.

"Ini merupakan serbuan kali pertama ke atas syarikat berkenaan berikutan aduan diterima daripada pemilik cap dagang," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 8(2)(b) Akta Perihal Dagangan 2011. - UTUSAN ONLINE

